

18 MAR 1997

Mahathir-Kuan Yew

MAHATHIR AKAN KOMEN KEMUDIAN TINDAKAN TERBARU LEE

JERANTUT, 18 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menunggu sehingga mesyuarat Kabinet esok sebelum membuat sebarang ulasan terhadap tindakan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew mengeluarkan semua perkataan yang memburuk-burukkan Johor dalam affidavit mahkamah di republik itu.

"Kita akan menyatakannya kepada anda selepas mesyuarat Kabinet esok," kata Dr Mahathir yang tersenyum apabila ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan kenyataan Lee petang semalam.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita sebelum berlepas ke Kuala Lumpur selepas lawatan dua hari ke Pahang.

Dr Mahathir berkata beliau diberitahu mengenai langkah terbaru Lee melalui sepucuk surat yang di hantar malam tadi.

Dalam kenyataannya, bekas Perdana Menteri Singapura itu berkata beliau telah mengarahkan peguamnya untuk mendapatkan kebenaran mahkamah untuk mengeluarkan kata-kata yang memburuk-burukkan Johor dalam affidavitnya pada 27 Jan lepas yang menyifatkan Johor sebagai tempat yang terkenal bagi kejadian "tembak-menembak, samun dan rampas kereta"

Affidavit itu dikemukakan dalam perbicaraan saman terhadap pemimpin pembangkang Tang Liang Hong yang melarikan diri ke Johor selepas tewas dalam pilihan raya republik itu baru-baru ini kerana mendakwa beliau menerima ugutan bunuh.

Dalam kenyataannya semalam, Lee mengulangi yang beliau memohon maaf dengan tulus ikhlas kepada kerajaan dan rakyat Malaysia atas kata-katanya mengenai Johor yang menyinggung perasaan masyarakat di sini.

Lee berkata, beliau tidak berniat menyinggung sesiapa dan telah mengarahkan peguamnya untuk meminta kebenaran mahkamah untuk mengeluarkan kata-kata yang menyinggung perasaan itu.

Lee telah memohon maaf sebelum ini tetapi ia gagal menghentikan kemarahan di kalangan pemimpin-pemimpin kerajaan dan ahli-ahli politik yang berkata beliau perlu menarik balik kata-kata memburukkan Johor dan juga harus menunjukkan keikhlasan beliau.

Sebelum itu, Dr Mahathir menamatkan lawatannya ke Pahang dengan melancarkan laluan jalan kaki tergantung di antara pokok-pokok dan yang terpanjang di dunia di Taman Negara.

Beliau diiringi oleh isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. --

BERNAMA

ARA PR